

SOALAN NO: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN

TARIKH: 23 MAC 2016

SOALAN:

Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan:-

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk menaikkan kadar pencen ilat dari minima sebanyak RM 475 sebulan kepada kadar gaji minima sebanyak RM1,000; dan
- (b) berapakah unjuran kewangan yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan jika kenaikan ini dilaksanakan.

PR-1341-L72681

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di bawah Kementerian Sumber Manusia belum bercadang untuk menaikkan kadar Pencen Ilat minima daripada RM475 sebulan kepada RM1000 sebulan.
2. Asas kepada penetapan RM475 sebulan adalah berdasarkan Penilaian Aktuari Ke-9 selaras dengan kemampuan Dana Skim Keilatan PERKESO. Oleh yang demikian, sekiranya kadar Pencen Ilat minima dipertingkatkan kepada satu nilai yang lebih tinggi daripada RM475 sebulan, maka ianya perlulah selari dengan peningkatan pada kadar caruman di bawah skim tersebut.
3. Pada tahun 2014, PERKESO telah membelanjakan sejumlah RM 1.58 billion bagi Skim Keilatan iaitu peningkatan sebanyak 11.27% daripada RM 1.42 billion pada tahun 2013.
4. Pada masa ini, Kajian Aktuari Ke-10 oleh pakar perunding International Labour Organization (ILO) sedang dijalankan bertujuan mengkaji kemampuan dana dan kemampuan PERKESO untuk memberikan perlindungan Keselamatan Sosial kepada Orang Berinsurans serta tanggungan mereka selaras dengan kehendak Akta Keselamatan Sosial 1969 (Akta 4). Kajian Aktuari tersebut dijangka selesai pada Jun 2017 .